

21/04/1998

Negeri perlu sediakan program lahir atlit dunia

KERAJAAN negeri disaran menyediakan program pembangunan sukan menyeluruh untuk membantu melahirkan atlit yang mampu menyerlah di peringkat dunia.

Malah, kerajaan negeri turut digesa membentuk program pembangunan sukan dalam tempoh lebih lama, sekurang-kurangnya lapan tahun, berbanding dua tahun ketika ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata kementerian dan Majlis Sukan Negara (MSN) sedia menghulur bantuan kepada kerajaan negeri untuk merangka program pembangunan sukan mereka.

"Tumpuan utama untuk melahirkan atlit bertaraf dunia harus bermula dengan memberi perhatian kepada program pembangunan sukan."

"Jadi, kementerian berharap kerajaan negeri turut bekerjasama dengan merangka program lebih menyeluruh dalam tempoh lebih lama berbanding ketika ini."

"Rata-rata kerajaan negeri menyediakan program dua tahun hanya untuk menghadapi Sukma," katanya.

Dia berkata demikian sebagai mengulas perutusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam buku cenderamata Sukma VII, selepas meninjau acara gimnastik di Stadium Tertutup, Shah Alam, semalam.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir menuntut semua pihak mengkaji semula kegagalan negara melahirkan atlit yang mampu bersaing.

"Pelbagai usaha dibuat seperti mengambil jurulatih asing, menyediakan kemudahan sukan dan mendapat bantuan kerajaan, tetapi atlit-atlit kita masih sukar dan kurang berupaya menunjukkan kecemerlangan di peringkat dunia."

"Sudah tentu ada sebabnya berlaku demikian. Inilah yang harus dikaji dan diteliti semua pihak. Kerajaan tidak mahu pelaburan besar yang dicurahkan untuk memajukan sukan negara menjadi sia-sia belaka," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Muhyiddin mengakui ada sedikit peningkatan yang dipamerkan atlit walaupun tidak menyeluruh.

"Kita sudah beri perhatian tetapi ada batasan tertentu seperti faktor fizikal yang menyebabkan kita gagal bersaing."

"Bagaimanapun, selepas mendapat hak tuan rumah Sukan Komanwel, kita dapat melihat perhatian terhadap pembangunan sukan lebih terperinci dan menunjukkan kesan positif terhadap peningkatan atlit walaupun tidak menyeluruh."

"Biarpun begitu, saya masih belum puas hati dan harap ia dapat ditingkatkan lagi," katanya.

(END)